

Headline	Kerjasama JTM, UMKenuhi keperluan industri		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	5	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,236
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,708



## Kerjasama JTM, UMKenuhi keperluan industri

**BACHOK** - Kerjasama universiti awam dan swasta dengan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bukan sahaja memperkasakan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), malah ia mampu meningkatkan peratusan pekerja mahir sehingga mencapai 35 peratus dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, kerjasama strategik itu juga menjadikan pembangunan TVET negara ini berkualiti tinggi.

Menurutnya, ia selaras dengan usaha JTM menghadapi Gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

“Kita tidak boleh tertinggal jauh dengan negara maju dan buka akses seluasnya kepada graduan untuk mencipta peluang pekerjaan dan produk baharu.

“Kita tidak mahu graduan kita berpuas hati dengan menjadi kuli sahaja sedangkan mereka mampu menjadi perintis dalam bidang keusahawanan,” katanya.

Tambahnya, amat malang

sekiranya segulung ijazah tidak dapat membantu graduan mencapai kejayaan dalam kehidupan.

“Contohi usahawan negara lain seperti Thailand yang memanfaatkan sumber di persekitaran mereka untuk menjana ekonomi, bukan untuk sukses mereka sahaja. Mereka juga mampu mencipta banyak peluang kerja,” katanya.

Mahfuz berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara JTM dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah JTM, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar dan Naib Canselor UMK, Prof Dr Azizi Ismail.

MoU untuk tempoh tiga tahun itu bakal memberi peluang kepada graduan Diploma Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi di UMK.

Mahfuz berkata, JTM mengambil langkah wajar dalam memastikan lulusan ILJTM memenuhi keperluan industri.



**Mahfuz (berdiri di tengah) menyaksikan majlis menandatangani MoU antara JTM dan UMK di Bachok semalam.**

Headline	Lepasan TVET digalakkan sambung pengajian		
Media Title	Kosmo		
Date	18 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	6	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	146 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,789
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,367



## Lepasan TVET digalakkan sambung pengajian

**KOTA BHARU** - Lepasan diploma program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) digalakkan menyambung pengajian kemahiran ke peringkat sarjana muda yang ditawarkan universiti tempatan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, pelbagai universiti tempatan kini menawarkan pengajian ijazah yang bersesuaian melalui kerjasama dengan Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dalam usaha memperkasa TVET.

"Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menjadi universiti kelima yang menerima lepasan pelajar Diploma Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).

"Sebelum ini, tawaran pengajian ijazah ini dijalankan

di bawah rangkaian Universiti Teknologi Malaysia dengan gabungan empat universiti iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP)," katanya.

Beliau ditemui pada majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UMK dan JTM di UMK Kampus Bachok di sini semalam.

MoU selama tiga tahun itu bermatlamat untuk membolehkan graduan diploma melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Menurutnya, penawaran itu antara lain memberi peluang kepada pelajar kemahiran mendapat pekerjaan yang lebih baik dengan pendapatan yang lebih tinggi. - Bernama



MAHFUZ

Headline	Pelajar lepasan TVET bukan setakat 'budak diploma'		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	7	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	198 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,582
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,745



## Pelajar lepasan TVET bukan setakat 'budak diploma'

**Bachok:** Pelajar lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bukan lagi setakat digelar 'budak diploma' selepas mereka ditawarkan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda, tahun ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar, berkata tawaran dibuat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) itu terbuka kepada semua pelajar lepasan diploma kemahiran di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bagi semua jenis kursus.

Katanya, melalui penawaran itu, imej pelajar TVET akan lebih dipandang tinggi apabila mereka turut berpeluang mendapat pekerjaan lebih baik dengan pendapatan lebih tinggi.

"Kerjasama sebegini akhirnya akan membentuk semula keyakinan ibu bapa terhadap bidang TVET. Jika dulu mereka tidak berapa yakin dengan pendidikan bidang kemahiran, tetapi kini pelajar sudah boleh sambung pengajian hingga ijazah sarjana muda.

### Pemula cipta peluang pekerjaan

"Cuma kita mahu graduan TVET ini jadi pemula dalam mencipta peluang pekerjaan baharu atau produk," katanya selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UMK dan Jabatan Tenaga Manusia di UMK Kampus Bachok, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mahfuz menjadi saksi MoU ditandatangani Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar dan Naib Canselor UMK, Prof Dr Noor Azizi Ismail untuk kedua-dua pihak bekerjasama selama tiga tahun.

UMK menjadi universiti kelima dalam tempoh dua tahun yang membuat tawaran melanjutkan pengajian selepas empat universiti membuat keputusan sama melalui projek Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Mahfuz berkata, MoU turut merangkumi kerjasama kedua pihak dalam perkongsian teoritikal, teknikal dan praktikal dalam bidang teknik serta vokasional.

"Antara bidang pengajian jadi tumpuan di bidang pemasaran internet, sebab kita nak penuhi keperluan industri dalam menghadapi arus gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).

"TVET bukan hanya kemahiran teknikal, tetapi kita gandingkan kemahiran lain seperti sektor pertanian yang kita peringkatkan penggunaan teknologi semasa.

"Sebab itu kita mahu kementerian lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) membawa pelaburan yang boleh mengguna pakai kemahiran dimiliki pelajar TVET," katanya.

Headline	Naik taraf graduan TVET.		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	18 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	28	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	267 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,838
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,514



## Naik taraf graduan TVET

**Bachok:** Tawaran melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda memberi ruang kepada pelajar lepasan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) menerima pendidikan setara penuntut lain.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mahfuz Omar berkata, tawaran itu dibuat Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk memegang diploma TVET di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM).

Katanya, yakin menerusi tawaran itu, imej pelajar TVET akan lebih dipandang tinggi dan mereka juga berpeluang mendapat pekerjaan yang baik seiring kelayakan akademik masing-masing.

"Kerjasama sebegini akhirnya akan membentuk semula keyakinan ibu bapa terhadap program TVET. Kalau dahulu mereka tidak berapa yakin dengan pendidikan bidang kemahiran, tapi kini pelajar sudah boleh menyambung pengajian hingga ke peringkat ijazah sarjana muda.

"Cuma kita mahu graduan TVET ini jadi pemula dalam mencipta peluang pekerjaan baharu atau produk berkaitan kemahiran mereka," katanya ketika ditemui pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara UMK dan JTM di UMK Kampus Bachok di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mahfuz menjadi saksi MoU yang di-

tandatangani Ketua Pengarah JTM, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar dan Naib Canselor UMK, Prof Dr Noor Azizi Ismail bagi kerjasama tiga tahun.

UMK menjadi universiti ke-5 dalam tempoh dua tahun yang membuat tawaran melanjutkan pengajian selepas empat universiti melakukan demikian melalui projek Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Mengulas MoU itu beliau berkata, ia merangkumi kerjasama kedua pihak dalam




MAHFUZ (tengah) hadir pada Majlis Memorandum Persefahaman antara JTM dan UMK di UMK Kampus Bachok.

perkongsian teoritikal, teknikal dan praktikal dalam bidang teknik dan vokasional.

"Antara bidang pengajian yang jadi tumpuan kita pula ialah pemasaran Internet, sebab kita nak penuhi ke-

perluan industri dalam menghadapi arus Gelombang Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0)," katanya.

Headline	Cuti paterniti perlu babit semua sektor pekerjaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	18 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	67	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	598 cm <sup>2</sup>
Journalist	Osman Lisut	AdValue	RM 19,878
Frequency	Daily	PR Value	RM 59,633



→ Laporan Institut Penyelidikan Khazanah anggarkan 2,563,800 wanita di Malaysia tidak bekerja kerana 'pekerjaan rumah atau tanggungjawab keluarga' berbanding hanya 69,800 lelaki.

→ Penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia hanya 55.6 peratus, antara paling rendah di Asia Tenggara, berbanding 80.7 peratus bagi lelaki, pada 2018.

→ Laporan Bank Dunia 2012 menganggarkan jika Malaysia menghapuskan jurang jantina dalam penyertaan tenaga kerja, pendapatan per kapita meningkat 16 peratus.

(FOTO HIASAN)



Kemudahan cuti paterniti kepada bapa membantu melancarkan urusan keluarga dan menyesuaikan diri bersama bayi.

# Cuti paterniti perlu babit semua sektor pekerjaan

→ Sektor swasta disyor perkenal kemudahan selaras keperluan semasa

Oleh Osman Lisut  
manlee@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pelaksanaan cuti paterniti kepada bapa untuk semua sektor pekerjaan perlu dilaksanakan dalam usaha memperkukuhkan institusi kekeluargaan selain mengambil kira kebajikan wanita selepas melahirkan.

Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Sumitra Visvanathan, berkata kini cuti itu hanya diberikan kepada kakitangan lelaki sektor awam menerusi peruntukan Ak-

ta Pekerjaan.

Beliau berkata, pihaknya mengharapkan kemudahan ini turut diperkenalkan kepada bapa yang bertugas di sektor swasta selaras keperluan semasa.

Katanya, ketika ini hanya bapa yang bertugas di sektor awam menikmati cuti berbayar ketika isteri bersalin.

"Kementerian Sumber Manusia mengumumkan cadangan pindaan Akta Pekerjaan pada Mac baru-baru ini, termasuk tiga hari cuti kelahiran yang dibayar.

## Lancar petisyen

"Laporan Pertubuhan Buruh Antarabangsa 2014, 79 daripada 167 negara memperuntukkan cuti paterniti seperti Filipina dan Singapura yang menetapkan cuti dua minggu kepada suami.

"Meneruskan usaha itu, WAO melancarkan petisyen memanggil sekurang-kurangnya tujuh hari cuti paterniti, boleh didapati menerusi laman web bit.ly/rights4parents," katanya dalam kenyataan yang diterbitkan di sini, baru-baru ini.



Cuti paterniti penting dalam usaha pupuk rasa tanggungjawab pasangan ketika berhadapan perubahan pada struktur keluarga berikutan pertambahan ahli"

Sumitra Visvanathan,  
Pengarah Eksekutif WAO

Sumitra berkata, cuti paterniti penting dalam usaha kerajaan memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan pasangan ketika berhadapan perubahan pada struktur keluarga berikutan pertambahan ahli.

Beliau berkata, kemudahan ini membolehkan bapa menguruskan keperluan anak lain sementara ibu dapat berehat bersama si kecil selepas melahirkan.

"Kehadiran bapa dilihat sebagai sokongan kepada ibu ketika tempoh berpantang yang pasti berdepan pelbagai kesukaran.

"Kajian menunjukkan kanak-kanak yang memiliki bapa bertanggungjawab menunjukkan mereka membesar dalam suasana harmoni selain mencatat prestasi cemerlang di sekolah.

"Memperkenalkan cuti paterniti sebahagian proses pengusahaan adalah tanggungjawab bersama. Perubahan seperti norma sosial membantu wanita lebih bersemangat memulakan pekerjaan selepas tamat tempoh cuti bersalin," katanya.